



DR. ZALIHA (duduk, tengah) bersama jemputan sempena Majlis Peluncuran Draf PTKL2040 di Institut Latihan DBKL, Kuala Lumpur semalam.

Pastikan pembangunan spesifik di Kuala Lumpur

PTKL2040 ambil kira cadangan warga kota

Oleh **NUR FATIN ZAHRA**

KUALA LUMPUR – Warga kota dipelawa untuk memberikan cadangan serta pandangan berkenaan Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL2040) bagi memastikan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diberikan penekanan yang sewajarnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa berkata, pelan tersebut dirancang bagi memastikan segala perancangan mendapat input warga kota dan juga pemegang taruh yang terlibat.

Katanya, selepas sesi pengemukaan pandangan dan cadangan Draf PTKL2040 selesai, ia dijangka akan diwartakan pada suku pertama tahun 2025.

"Perkara ini turut mengambil kira pelaksanaan Sesi Pende-

ngaran dan Pandangan Awam (PPA) selaras pengesyoran berdasarkan penemuan pada sesi tersebut dan juga penelitian oleh Lembaga Penasihat Perancangan peringkat Jabatan Wilayah Persekutuan.

"Mulai esok, beberapa sesi pameran akan dijalankan di beberapa lokasi untuk memastikan orang ramai tahu tentang PTKL2040 dan dapat mengemukakan cadangan serta pandangan masing-masing," ujarnya.

Beliau ditemui pada sidang akhbar Mailis Peluncuran Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL2040) di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), di sini semalam.

Jelasnya, sebarang cadangan atau pandangan boleh dikemukakan di lokasi pameran atau di laman sesawang <https://ppkl.dbkl.gov.my/e-pandangan/>.

"Kami akan buka ruang untuk orang ramai beri pandangan selama satu hingga tiga bulan. Kami akan lihat semua perkara yang dibangkitkan kemudian barulah digazetkan pada 2025.

"Saya berharap, semua dapat main peranan bagi memastikan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diberi perhatian sewajarnya," katanya.

Draf PTKL2040 merupakan kerangka utama terhadap pelan pembangunan Kuala Lumpur yang disediakan bagi menterjemah visi serta matlamat yang digariskan dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) yang telah diwartakan pada 19 Oktober 2023.

Ia secara khusus menekankan perancangan cadangan zon guna tanah dan intensiti pembangunan secara spesifik ke atas setiap lot tanah di Kuala Lumpur.